

# Mahkamah lepas dan bebaskan dua lelaki daripada tuduhan edar Methamphetamine

**KUCHING:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam melepas dan membebaskan dua lelaki daripada pertuduhan mengedar 717.5 gram Methamphetamine di sebuah terminal bas di Jalan Penrissen, empat tahun lalu.

Hakim Dato Faridz Gohim Abdullah memutuskan demikian setelah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Ho Chee Leong, 33, dan Low Ching Soon, 36, di akhir kes pendakwaan.

Mahkamah mendapati terdapat pelbagai percanggahan keterangan serta kelompongan dalam kes pendakwaan.

Selepas menilai keseluru-



**MENANG:** (Dari kiri) Louis, Ho, Low, Voon, Kong, dan Amarprit di lobi Mahkamah Kuching selepas selesai prosiding, semalam.

— Gambar Desiree David

han keterangan, mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan tersebut gagal dibuktikan, justeru kedua-

dua tertuduh dilepas dan dibebaskan.

Ho dan Low didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a)

Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama, memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta tidak kurang 15 sebatan, jika sabit kesalahan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di terminal bas di Batu 6, Jalan Penrissen di sini sekitar jam 1.50 petang pada 14 Julai 2022.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nur Anida Mohd Nasir.

Ho diwakili peguam Louis Jarau, manakala Low diwakili Patrick Voon, Alex Kong, Tiong Ing Neng serta pelatih dalam kamar Amarprit Singh.